



NEWSLETTER

DOSM/ILSM/1.2022/SERIES 67

KOLOKIUUM STATISTIK 2022: KEJAYAAN BANCI 2020 – KE ARAH KEMAMPANAN DAN KELESTARIAN KELUARGA MALAYSIA 2030

Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) bersama-sama Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (BPPD) telah menganjurkan Kolokium Statistik DOSM. Fokus utama penganjuran Kolokium tahun ini menjurus kepada perkongsian dan pembentangan kertas teknikal berkenaan data kependudukan yang merupakan tema utama.



Kolokium Statistik 2022 telah diadakan di Dewan Sigma, ILSM bermula 13 hingga 14 September 2022 dan telah dirasmikan oleh **Y.Bhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.**



1. "Importance of census data for the localization of SDG by APPGM-SDG"


Executive Officer for Research, All-Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals (APPGM-SDG)

Kertas ini menerangkan bagaimana data Banci dapat melengkapkan keperluan bagi pelaksanaan penglokalisasi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) di peringkat kawasan parlimen di seluruh Malaysia melalui gerak kerja APPGM-SDG.

2. "Assessing The Quality Of Civil Registration and Vital Statistics In Malaysia Using Population Census Data"

Population Studies Unit (PSU)
Universiti Malaya

Penyelidik memfokuskan kajian tentang kualiti rekod data kelahiran di Malaysia. Antara hasil kajian merumuskan bahawa usaha yang dibuat untuk menggabungkan data banci dengan statistik penting daripada data rekod pentadbiran boleh diselaraskan ke arah menghasilkan data yang komprehensif dan tepat.



3. "Peranan Pelaburan dan Sektor Pembuatan Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi Antara Koridor Timur dan Barat: Kesan Kepada Kos Sara Hidup Antara Penduduk Bandar dan Luar Bandar"


Program Chair, Coastal and Island Community Research, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Penyelidik berkongsi hal pelaburan dan sektor pembuatan sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi antara koridor timur dan barat khususnya kesan kepada kos sara hidup antara penduduk bandar dan luar bandar.

4. "Socioeconomic Data: My Engagement with HIES and HIBAS"

Research Professor
Putra Business School and Chairholder Sheikh Abdullah Fahim
Universiti Kebangsaan Malaysia

Data HIES dan HIBAS boleh digunakan untuk menghubungkan antara kewangan Islam dan SDG merupakan antara intipati dalam kertas kajian yang dibentangkan ini.



SESI PERTAMA (IPT)

5. “Analisis Kepentingan dan Pengoptimuman Data Sosio Ekonomi Dalam Penyelidikan Akademik”

Pengarah
Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat
Universiti Utara Malaysia

Kertas kajian ini menyatakan kepentingan dan pengoptimuman data sosioekonomi dalam penyelidikan akademik.



Prof. Madya Dr. Selamah Maamor

6. “Challenges and realities of employment among persons with disabilities (PWDs) in Malaysia”

Jabatan Ekonomi, Kuliah Ekonomi dan Pengurusan Sains
Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)

Penyelidik berkongsi dapatan hasil kajian yang menjuruskan kepada cabaran dan realiti peluang pekerjaan di kalangan orang kurang upaya (OKU) di Malaysia.



Prof. Dr. Selamah Abdullah Yusof



Dr. Izyani Zulkifli

SESI KEDUA (DOSM)

7. “Integrasi data pentadbiran: Malaysia Statistical Population Profile (MSPP)”

Pengarah Kanan,
Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi

Data banci dan data pentadbiran merupakan asas kajian dalam pembangunan pengwujudan *Malaysia Statistical Population Profile* (MSPP) yang menyokong kepada profiling penduduk yang holistik sehingga ke peringkat daerah pentadbiran. Hasil pelaksanaan kajian simulasi bagi semakan data Banci dan data Survei serta penemuan simulasi tersebut turut dibentangkan.



En. Wan Mohd Shahrulnizam Wan Mohd Najuri

8. “Gender Imbalance: Does it Matters?”

Timbalan Pengarah Kanan,
Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi

Kertas kajian ini melihat aspek perbezaan gender dan jantina, senario semasa penduduk dunia dari segi bilangan penduduk dan nisbah jantina penduduk. Di Malaysia, senario ini melihat perbandingan kadar enrolmen pelajar, kadar penyertaan tenaga buruh dan penguasaan politik. Beberapa inisiatif bagi memperkasakan gender dan wanita telah diperkenalkan agar kesaksamaan gender dapat diperkasa dan akhirnya kesaksamaan gender akan dicapai untuk pembangunan negara dari aspek sosial, ekonomi dan politik.



Pn. Ezatul Nisha Abdul Rahman

9. “Census Data 2020: Integration of Census Operational Data & Administrative Data”

Penolong Pengarah
Core-Team Analitik Data Raya

This paper was studied about the sources for official statistics, the administrative data for Population & Housing Census, the challenges during processing Census Data, the statistical challenges in using Administrative data and the automation of the publication of Subnational statistics for State Legislative Assembly.

10. “Menelusuri 20 Tahun Struktur Penduduk dan Corak Perbelanjaan Isi Rumah Negeri Perak”

Timbalan Pengarah,
Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan

Pembentangan kertas ini adalah untuk mengkaji corak pendapatan dan perbelanjaan di Malaysia dan Perak melalui Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) dan Kemudahan Asas (*Basic Amenities*). Pemilihan sampel adalah berdasarkan senarai isi rumah yang diperoleh daripada Banci Penduduk dan Perumahan yang dilaksanakan setiap sepuluh tahun.



Pn. Siti Khadijah Jasni



Pn. Suhaya binti Komari

11. “Preliminary Review of the Relationship Between Real Wages and Labour Productivity”

Penolong Pengarah
Malaysian Bureau of Labour Statistics

This paper was to gauge some insights on the relationship between wages and labour productivity in Malaysia by leveraging the availability of official labour market statistics.

12. “Construction Sector: A Review of the Labour Market Situation”

Penolong Pengarah
Malaysian Bureau of Labour Statistics

This study aims to review the demand and supply of labour in Malaysia on Construction Sector. Despite the marginal increase in total employment in 2021, further analysis of the economic activity found that the construction sector remained to record losses in employment growth since 2019.



En. Aswan bin Husaini



Cik Nur Qistinna Binti Israrr

13. “Kepentingan Data Penduduk Kepada Pembangunan Ekonomi”

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perangkaan Akaun Negara

Kertas ini memfokuskan kepentingan Data Banci dalam menentukan dasar dan polisi Kerajaan yang mempunyai kesan atau pengaruh kepada kesejahteraan penduduk dari segi penawaran dan permintaan ekonomi dan keseimbangan sosial serta mengenal pasti keperluan sebenar wilayah/negeri/kawasan dalam memastikan pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals), RMK-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

14. “Data Kependudukan Sebagai Landasan Kepada Pelaksanaan Banci Pertanian”

Pengarah,
Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar

Kajian ini membentangkan cadangan penggunaan data Banci penduduk sebagai rangka untuk banci pertanian 2024. Berdasarkan pengalaman negara lain telah menunjukkan bahawa penyelarasan dan hubungan kedua-dua operasi dapat mengurangkan kos, menambah baik pembinaan rangka untuk banci pertanian serta meningkatkan kualiti keseluruhan banci.



Pn. Nor Hasiah Othman



Pn. Fuziah Md. Amin

15. “Pembangunan Address Geocode DOSM dalam Pasca Banci 2020”

Penolong Pengarah
Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi

Kajian ini membincangkan penggunaan Geocoding yang merupakan asas kepada pembangunan MSAR dan MSPR, penyebaran data kepada maklumat diperingkat terkecil, menjadi input kepada persediaan Intercensus 2025, mengukuhkan perkhidmatan geostatistik dan membekalkan maklumat spatial untuk pengurusan bencana negara.

16. “Kajian Rintis Self-updating Mukim Ayer Itam, Muar”

Penolong Pengarah
DOSM Johor

Kajian ini memberi fokus kepada projek rintis “online self-updating” di Mukim Ayer Itam, Muar bagi pengemaskinian sistem maklumat penduduk sehingga ke peringkat daerah terkecil. Kelebihan dan kekangan sistem ini turut dibincangkan dalam pembentangan tersebut.



En. Zainal Abidin Abdul Mutalib



Pn. Noor Ilyana Amran

17. “Pertubuhan Ekonomi DB 084 Daerah Kota Kinabalu Sabah”

Penolong Pengarah , DOSM Negeri Sabah

Kajian ini menerangkan tentang *Geocoding* yang menggunakan alamat pertubuhan serta pengaplikasian GIS dalam penambahbaikan *geocode* alamat pertubuhan di kawasan DB 084 Kota Kinabalu. GIS juga mempunyai potensi sebagai salah satu aplikasi yang boleh digunakan bagi penambahbaikan *geocode* alamat pertubuhan.



18. Banci Ekonomi 2023

Timbalan Pengarah
Bahagian Perangkaan Perkhidmatan

Kajian ini membincangkan mengenai Banci Ekonomi (BE) 2023 yang merupakan penanda aras baharu dalam memperkemas struktur ekonomi bagi statistik KDNK, Jadual Input Output, Indeks dan lain-lain. Beberapa penambahbaikan yang turut dikenalpasti iaitu e-Qis bagi pengemaskinian rangka, penggunaan borang khusus dan pendek, soal selidik secara softcopy boleh dimuat turun melalui QR Code dan penggunaan IDEPS bagi prosesan data.



19. “Pasca Banci 2020-Pengemaskinian Rangka Statistik”

Penolong Pengarah , DOSM Negeri Sarawak

Kajian ini memberi fokus kepada daerah Samarahan yang telah terpilih sebagai daerah untuk pembangunan prototaip dashboard MSAR, MSBR dan MSPP bagi negeri Sarawak. Perkara yang dibincangkan termasuklah pengemaskinian rangka, proses geokod, cabaran dalam pelaksanaan protaip tersebut serta way *forward* pembangunan.

20. “Pasca Banci 2020 : Improving Frame Updating”

Timbalan Pengarah,
Bahagian Metodologi dan Penyelidikan

Kajian ini membentangkan mengenai proses modenisasi penyenaian dan pengemaskinian rangka isi rumah dalam pelaksanaan Banci 2020 yang digunakan sebagai asas kepada Banci/Survei yang dilaksanakan oleh DOSM iaitu Malaysia Statistical Population Register (MSPR) dan Malaysia Statistical Address Register (MSAR) serta rangka pertubuhan, Malaysia Statistical Business Register (MSBR). Bagi memudahkan pengurusan dan pengintegrasian frame register, penyesuaian semula senibina dan pengemaskinian perlu dilakukan bagi memastikan pengurusan register yang lebih sistematik dan efisien.





Para Pembentang

Sesi Soal Jawab

SESI RUMUSAN DAN PENUTUP



Sesi rumusan dan penutup Kolokium Statistik 2022 telah disampaikan oleh Pengarah ILSM, Encik Zuraidy Hj. Zainal Abidin. Kolokium pada tahun ini telah berjaya mengumpulkan seramai 226 peserta di kalangan Perangkawan. Sebanyak 20 kertas pembentangan telah berjaya dibentangkan. Beliau berharap kolokium ini dapat diteruskan untuk tahun-tahun akan datang dengan pembentangan yang lebih menarik lagi.

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KOLOKIUM STATISTIK 2022

KEJAYAAN BANGCI MALAYSIA 2020: KE ARAH KEMAMPANAN DAN KELESTARIAN KELUARGA MALAYSIA 2030

13 & 14 SEPTEMBER 2022 INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA (ILSM)

10th Anniversary ILSM 2012-2022 HES BA 2022 SDG 11 SDG 13 NHA StatsMalaysia www.DOSM.gov.my KELUARGA MALAYSIA



KOLOKIUUM STATISTIK 2022



PERASMIAN KOL STATISTIK 2022



FitDOSM

